

**KAJIAN IMEJ ETNIK LAIN DALAM
CERPEN-CERPEN MAHUA
(1970AN-1990AN)**

NG KOK KEONG

**Disertasi yang diserahkan untuk memenuhi
keperluan bagi Ijazah Sarjana Sastera**

**JABATAN PENGAJIAN TIONGHOA
FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL
UNIVERSITI MALAYA**

2002

Perpustakaan Universiti Malaya



A510733567

PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

23/4/02

Tarikh



NG KOK KEONG
AGB 97032

PENGHARGAAN

Seperti yang dikatakan oleh Buddha, semua fenomena duniawi ini berlaku kerana gabungan daripada banyak elemen-elemen lain(因 缘 和 合), bukanlah dengan satu-satunya faktor sahaja. Begitu juga dengan kelahiran sebuah hasil disertasi. Tidak mungkin ia dapat dizahirkan dengan daya usaha pengkaji seorang sahaja. Maka ingin pengkaji mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang berkenaan dalam usaha menjayakan latihan ilmiah ini.

Pertamanya, setinggi-tingginya penghargaan dan terima kasih hendak dirakamkan kepada Puan Seng Yan Chuan yang sudi menjadi penyelia pengkaji. Dengan panduan, nasihat, kritikan serta tunjuk ajar beliau benar-benar menjadi satu dorongan kepada penulis. Terutama ruangan kreativiti yang lebih lapang serta komen membina yang diberikannya telah memperluaskan sudut pandangan pengkaji. Tanpa beliau, tidak mungkin latihan ilmiah ini dapat dilahirkan. Pengkaji juga ingin memohon maaf kepada beliau sekiranya telah mendatangkan apa-apa ketidaksenangan kepada beliau dalam proses penyediaan latihan ilmiah ini.

Bantuan dan kerjasama yang diberi oleh Ketua Jabatan, semua pensyarah dan kakitangan-kakitangan Jabatan Pengajian Cina amat dihargai oleh pengkaji. Terutamanya perkhidmatan yang disajikan oleh mereka banyak mendatangkan kemudahan kepada pengkaji.

Ribuan terima kasih juga hendak disampaikan kepada pihak Universiti Malaya serta Yayasan Lee kerana sudi memberi bantuan kewangan.

Selain daripada itu, pengkaji juga ingin menyampaikan penghargaan kepada pihak Perpustakaan Universiti Malaya, Perpustakaan Dong Jiao Zong, Bilik Sumber Huazi, Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka, Perpustakaan Negara, Perpustakaan NUS, Kolej Selatan dan Bilik Sumber Sin Chew Jit Poh yang telah menyediakan banyak bahan-bahan kajian yang penting. Kemudahan perkhidmatan yang disajikan oleh mereka telah membekalkan banyak sumber dan maklumat yang amat diperlukan dalam kajian ini.

Akhir sekali, pengkaji juga hendak mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan kepada dua orang rakan seperjuangan laitu saudara Wong Hin Yan yang menyalur bantuan dan teknik pengurusan masa dan material kajian ; saudari Law Sook Sun yang memberikan ide-ide baru serta cadangan kepada pengkaji. Termasuk juga rakan-rakan lain yang dari masa ke semasa menunjukkan keprihatinan mereka terhadap perkembangan latihan ilmiah ini.

Dengan hati yang tulus, terima kasih!

NG KOK KEONG

PENDAHULUAN

A) Pengenalan

Sastera Mahua adalah sastera yang unik. Keunikan bukanlah sahaja terletak pada fungsinya sebagai penyampai dan cermin hasrat serta fikiran masyarakat, sebaliknya ia mempamerkan pelbagai ciri-ciri yang istimewa berbanding dengan sastera China. Salah satu faktor perlu ditegas, ialah tempat kelahirannya yang berlatarkan struktur masyarakat majmuk dengan bahasa, budaya serta agama sesama etnik berbeza, secara semula jadi telah menyediakan sumber-sumber penulisan yang subur bagi penulis Cina di Malaysia. Apabila suatu fenomena hendak dipapar ataupun perasaan hendak diluah, mahupun mesej hendak disampaikan oleh karyawan Cina, secara tidak langsung sudah pasti mereka tidak dapat lari dari realiti masyarakat Malaysia yang merangkumi semua perbezaan ahli masyarakat ini. Oleh itu, dengan mudahnya kita menyedari kehadiran watak-watak bukan Cina yang direka cipta dalam genre cerpen mereka sejak pra kemerdekaan lagi hingga kini. Namun, satu persoalan yang menarik timbul. Apakah dan bagaimanakah sifat imej-imej yang muncul dalam cerpen Mahua? Apakah motif cerpenis memasukkan mereka ke dalam karya Mahua? Adalah ia berkaitan dengan hubungan etnik? Apakah kepentingan peranan dan fungsi watak-watak tersebut? Semua ini akan dibincang dalam kajian ilmiah ini.

B) Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini ialah melihat kepentingan kewujudan etnik lain dalam cerpen-cerpen Mahua yang lazimnya dipelopori watak etnik sendiri dalam konteks negara Malaysia. Tumpuan kajian lebih kepada fungsi-fungsi cerpen ini dalam mendalami imej watak etnik lain dan kepentingan peranan watak-watak tersebut dalam cerpen-cerpen Mahua.

(i) Objektif Kajian

Terdapat 3 objektif kajian, antaranya :

- i. Meninjau bagaimanakah imej etnik lain disorotkan dari kaca mata penulis-penulis Cina.
- ii. Melihat hubungan etnik di antara orang Cina dengan bukan Cina dari kaca mata penulis-penulis Cina.
- iii. Meninjau peranan dan kepentingan watak etnik lain itu dalam karya sastera Mahua dari sudut sosiologi dan sastera.

(ii) Skrip Kajian

Sebanyak 137 buah cerpen Mahua dalam tempoh 1970 hingga 1999 yang mempunyai watak bukan Cina dipilih dalam kajian topik ini. Genre cerpen dijadikan pilihan kerana cerpen dengan pernaperan plotnya yang disertai dengan perwatakan manusia adalah genre yang paling mudah diterima ramai. Tambahan ia sesuai untuk dibuat kajian corak kehidupan dan trend realiti sesuatu masyarakat berbanding dengan genre lain. Dari pada itu, novel diabaikan dalam kajian ini kerana bilangannya yang amat terhad.

Prinsip pilihan cerpen kajian adalah berasaskan beberapa tetapan berikut :

- i. Karya cerpen dihasil oleh cerpenis Mahua tidak kira bellau berada di tanah air ataupun luar negara.
- ii. Cerpen-cerpen yang dijadikan pilihan teks kajian harus yang berlatarkan masyarakat tempatan dengan watak bukan Cina khasnya orang Melayu, India serta bumiputera Malaysia Timur di dalamnya. Ini tidak kira sama ada watak itu ialah watak penting, sampingan maupun latar sahaja.

- iii. Tempoh masa cerpen dihasilkan ialah bermula dari 1970 hingga 1999. Ini disebabkan bermula dari dekad 70an kerajaan telah melaksanakan Dasar Ekonomi Baru yang secara langsung mendatangkan perubahan drastik kepada struktur dan stratifikasi masyarakat Malaysia. Sudah pasti ia mempunyai kesan tertentu terhadap hubungan etnik dalam mentakrifkan penyesuaian setiap etnik.
- iv. Bagi cerpen yang tidak diketahui tarikh penulisannya, tahun penerbitan sumber akan diambil kira sebagai tahun karya itu dihasilkan melainkan jika pengarang mencatatnya dalam hujung karya.
- v. Pilihan teks adalah berdasarkan antologi karya-karya cerpen yang telah dibukukan di Malaysia melainkan cerpenis mengidentifikasi dirinya sebagai cerpenis Mahua dalam karya yang diterbit di luar negara. Ini termasuk terbitan majalah-majalah sastera tempatan dan juga akhbar Cina tempatan.

I Metodologi Kajian

Kaedah yang digunakan ialah penyelidikan serta pengumpulan maklumat di perpustakaan serta bilik sumber seperti Perpustakaan Universiti Malaya, Perpustakaan Negara Malaysia, Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka, Bilik Sumber serta Perpustakaan Kolej New Era (新纪元学院), Bilik Sumber Hua Yan (华研), Bilik Sumber Sin Chew Jit Poh (星洲日报), Bilik Sumber Sastera Mahua Kolej Selatan (南方学院) serta Perpustakaan National University of Singapore. Ini adalah kerana tempat-tempat tersebut kedapatan koleksi cerpen serta artikel berkaitan dengan Sastera Moden Mahua. Koleksi cerpen-cerpen pilihan dan data yang dikumpul dikaji teliti dan dianalisa oleh pengkaji dengan mempertimbangkan ulasan kajian lepas serta pandangan pengkaji sendiri.

F) Kajian Lepas

1) Wong Seng Tong. 1982. *Imej Orang Melayu dalam Kesusastraan Cina di Malaysia.*

Universiti Kebangsaan Malaysia.

Kertas kerja ini membincangkan imej orang Melayu dalam karya Sastera Moden Mahua, dengan melihat peranan dan ciri-ciri mereka dalam karya-karya tersebut. Perbandingan imej antara sorotan kaca mata penulis Cina dengan Barat turut diutarakan. Skop kajian karya adalah terhad kepada tahun 50an dan 60an.

2) Foong Foot Khiong. 1996. *Imej Melayu dalam Karya-karya Kesusastraan Cina di Malaysia (Sastera Mahua) Masa Kini.* Universiti Kebangsaan Malaysia.

Kertas kerja ini juga memberi perhatian khusus kepada imej Melayu dalam karya Sastera Moden Mahua dengan lebih mendalam terutama dari aspek penganalisaan gambaran latar belakang dan hubungan etnik. Skop kajian karya adalah bermula dari 80an hingga 1995.

3) Ng Kok Keong. 1997. *Cerpen Mahua yang Bukan Berwatakan Tionghoa (1970-*

1996) : Satu Usaha Mendorong Persefahaman Masyarakat Malaysia.

Universiti Malaya.

Disertasi ini membincangkan imej-imej bukan Cina yang merangkumi Melayu, Cina, India dan Iban yang wujud dalam cerpen-cerpen Mahua dari 1970-1990an. Tumpuan lebih teliti adalah pada fungsi cerpen-cerpen tersebut digunakan mengeratkan lagi hubungan etnik di Malaysia.